KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

14,210 UNIT LAMPU JALAN KAMPUNG DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN SABAH SIAP DI BAWAH PROGRAM PEMASANGAN LJK BAGI TAHUN 2022 FASA 11

---

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) telah mengadakan **Majlis Penyerahan 14,210 unit Lampu Jalan Kampung (LJK) yang telah siap di bawah Program Pemasangan LJK Bagi Tahun 2022 Fasa 11 Semenanjung Malaysia dan Sabah pada 17 Disember 2024 di Putrajaya**.

2. Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Khair Razman Mohamed Annuar, Ketua Setiausaha KKDW kepada YBhg. Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi LJK di Semenanjung Malaysia, manakala kepada YBrs. Ir. Ts. Mohd Yaakob Hj. Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Sabah Electricity bagi LJK di Sabah.

3. KKDW telah melaksanakan **Program Pemasangan LJK Semenanjung Malaysia dan Sabah Tahun 2022 Fasa 11 dengan menggunakan peruntukan daripada RM150 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).** Program Pemasangan LJK Fasa 11 ini **telah dilaksanakan pada 30 Mei 2023 dan selesai pada 25 Oktober 2024**. Projek dapat **disiapkan 36 hari lebih awal daripada tempoh tamat kontrak pada 29 November 2024** oleh kontraktor yang dilantik.

4. Di bawah Fasa 11 ini, **12,300 unit LJK dipasang di Semenanjung Malaysia** manakala **1,910 unit LJK di Sabah**. Kesemua unit LJK bagi projek ini adalah lampu jenis *light emitting diode* (LED) 75 watt yang dipasang di atas tiang-tiang elektrik sedia ada milik Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN).

5. Sehingga kini, **jumlah keseluruhan LJK yang telah dipasang di seluruh kawasan desa seluruh negara adalah sebanyak 525,081 unit.** Kesemua LJK yang telah siap dipasang akan diserahkan kepada PBEN iaitu TNB di Semenanjung Malaysia, Sabah Electricity di Sabah dan Sarawak Energy Berhad di Sarawak untuk dioperasi dan diselenggara.

6. KKDW komited untuk memastikan LJK yang telah siap akan sentiasa beroperasi dimana kos operasi dan selenggara akan dibiayai oleh KKDW secara berterusan.

-TAMAT-

Disediakan Oleh :
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
17 Disember 2024